



## KENYATAAN RASMI

### LARANGAN PULANG KE KAMPUNG DAN KUARANTIN WAJIB

#### PELAJAR BAHARU SESI JUN 2020

Selaras dengan hasrat dan usaha Kerajaan Malaysia dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia, Politeknik Merlimau telah memutuskan **semua pelajar baharu yang tinggal di Kamsis Politeknik Merlimau tidak dibenarkan balik ke kampung dan wajib menjalani kuarantin sehingga 19 Ogos 2020 di Politeknik Merlimau**. Tempoh Kuarantin adalah minima selama 14 hari sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Walaubagaimanapun, bagi membolehkan pelajar baharu menguruskan urusan Bank, pembelian alatan dan barangan keperluan harian, Politeknik Merlimau memutuskan bahawa para **pelajar dibenarkan untuk keluar *Outing* (tidak bermalam) pada setiap hari bermula jam 9 pagi – 6.00 petang terhad di sekitar Merlimau, Jasin dan Daerah Melaka Tengah sahaja. Sebarang rentas negeri dan daerah adalah dilarang.**

Para Pelajar Baharu serta Ibu bapa/pelawat hendaklah merekodkan pergerakan keluar masuk di Pos Pengawal PMM dan aplikasi MySejahtera di setiap premis dan lokasi yang dikunjungi.

Oleh yang demikian, semua pelajar dan warga Politeknik Merlimau diingatkan agar sentiasa mengamalkan pemakaian pelitup muka, pematuhan penjarakan sosial, elakkan bersentuhan, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman, menjalani saringan suhu dan kesihatan setiap hari, mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul serta memastikan kesihatan dan kebersihan diri sepanjang masa agar sentiasa sihat.

**Kebersihan tanggung jawab bersama. Amalkan norma baharu untuk mencegah COVID 19.**

**#Kita Jaga Kita.**

Pengarah

Politeknik Merlimau

4 Ogos 2020.